

Pandemik di Timur Tengah Dalam Karya Kesusasteraan Arab: Satu Tinjauan Awal

Pandemics in the Middle East in Arabic Literary Works: A Preliminary Review

Nur Asyiqin Zohkarnain*, Firuz-Akhtar Lubis

*Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600
Bangi, Selangor, Malaysia*

**Corresponding author: p116036@siswa.ukm.edu.my*

Article history

Received: 2022-02-16 Received in revised form: 2022-03-28 Accepted: 2022-04-04 Published online: 2023-02-28

Abstract

History has proven the existence of global pandemics since centuries ago that profoundly impacted society. The situation of society during the pandemic can be seen through readings of Arabic literature works which play very important roles in getting the picture of Middle East society. The purpose of this study is to identify preliminary review related to pandemics in the Middle East which are recorded in Arabic literary works. This study uses qualitative method by analyzing the content of corpora based on thematic method. Based on this preliminary review, several new themes have been developed including the theme of infectious diseases in the Middle East such as cholera and black death. Aspects discussed including the location of the pandemic, the community's situation against the pandemic, the impact, and how to deal with the pandemic. As a result of this literature review, it is found that in discussion about the pandemic, Arabic literary works give special emphasis on the sociology of society, health, and ecosystem of a country. Therefore, it is hoped that more Arabic literary masterpieces can be translated due to its importance and benefit for future research regarding pandemic.

Keywords: Arabic Literature, literature review, Middle East, pandemics.

Abstrak

Sejarah membuktikan kewujudan pandemik secara global sejak kurun terdahulu yang memberi kesan cukup besar terhadap masyarakat. Situasi masyarakat di kala pandemik ini dapat dilihat menerusi pembacaan terhadap karya kesusasteraan Arab yang memainkan peranan yang sangat penting bagi mendapatkan gambaran kemasyarakatan di Timur Tengah. Tujuan kajian ini adalah mengenal pasti tinjauan awal berkaitan pandemik di Timur Tengah yang tercatat dalam karya kesusasteraan Arab. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis kandungan korpus kajian berdasarkan kaedah tematik. Berdasarkan tinjauan awal ini, beberapa tema baharu telah dihasilkan yang terdiri daripada tema wabak yang tersebar di kawasan Timur Tengah seperti wabak taun dan Kematian Hitam. Aspek yang dibincangkan pula meliputi lokasi penularan wabak, situasi masyarakat terhadap wabak, kesan dan cara menangani wabak tersebut. Hasil tinjauan awal ini, dalam perbincangan berkenaan pandemik, karya-karya tersebut memberi penekanan dari sudut sosiologi masyarakat, kesihatan dan ekosistem sesebuah negara. Oleh itu, kajian ini berharap agar terjemahan teks karya sastera Arab dapat diberi penekanan khusus kerana inti pati karya tersebut sangat penting dan berguna untuk penyelidikan akan datang terutamanya yang berkaitan dengan pandemik.

Kata Kunci: karya kesusasteraan, tinjauan awal, Timur Tengah, pandemik.

1.0 PENGENALAN

Kini, dunia sedang menderita akibat pandemik COVID-19 dan pada hakikatnya, ini bukan merupakan pandemik yang pertama berlaku di dunia. Dunia pernah mengalami penularan pandemik demi pandemik termasuklah di Timur Tengah. Situasi ini dapat dibuktikan melalui gambaran dalam karya kesusasteraan Arab. Karya kesusasteraan Arab yang terlibat dalam tinjauan awal ini pula terdiri daripada karya ilmiah dan karya catatan kembara yang dapat menyumbangkan maklumat penting mengenai keadaan sesebuah masyarakat dan negara.

Ghazali Din (2020) menyatakan karya kesusasteraan merupakan sebuah karya yang dikarang menerusi kepekaan seorang pengarang terhadap pengalaman kehidupan mereka. Segala pengalaman tersebut dijalinkan melalui idea kepengarangan kreatif dengan ungkapan bahasa yang mampu menyuntik jiwa para pembaca (Sohaimi Abdul Aziz, 2001). Manakala menurut Azzurin Mohd Yassin & Mas Rynna Wati Ahmad (2018) karya kesusasteraan dijadikan sebagai wadah pemberitahuan kepada para pembaca. Segala rakaman yang tercatat dalam karya kesusasteraan ini memberi kesan kepada pembaca lebih-lebih lagi berkenaan realiti sesebuah ketamadunan ketika berhadapan dengan pandemik.

Tambahan lagi, seorang sarjana sastera Islam terawal iaitu al-Nadwi menyatakan karya kesusasteraan Islam perlu dipergiatkan kerana Islam dan kesusasteraan bersifat saling melengkapi (Mohd Shahrizal Nasir & Kamarul Shukri Mat Teh, 2021). Kepentingan karya ini dibuktikan menerusi sejarah Rasulullah SAW bahawa karya kesusasteraan Arab memainkan peranan yang sangat penting sehingga dijadikan sebagai wadah penyebaran dan mempertahankan Islam melalui penulisan kreatif sastera prosa dan puisi (Osman, 1999).

Berdasarkan kenyataan di atas, kajian mengenai kesusasteraan Arab ini tidak dapat disangkal lagi kepentingannya khasnya sebagai penyediaan pelbagai sumber maklumat yang berguna buat masyarakat termasuklah menyalurkan maklumat penting mengenai wabak yang pernah berlaku pada suatu ketika dahulu. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis teks kandungan karya kesusasteraan Arab berdasarkan kaedah tematik. Tinjauan awal berkenaan penularan pandemik di Timur Tengah pula berdasarkan yang tercatat dalam karya kesusasteraan Arab terpilih sahaja.

2.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis kandungan teks kajian berdasarkan kaedah tematik. Menurut Strauss dan Corbin (1990), kajian kualitatif tidak melibatkan kajian berdasarkan statistik dan pengiraan. Oleh itu, pendekatan kualitatif merupakan kaedah yang lebih sesuai dalam memahami sesuatu fenomena dengan mendalam (Mohd Faiz, Mohamed Yusof & Nurhanani Romli, 2019). Segala sumber data mengenai kajian-kajian lepas terdiri daripada sumber primer dan sekunder yang berautoriti termasuklah buku, jurnal, artikel dan tesis. Maklumat yang dikumpulkan tersebut terdiri daripada tiga bahasa utama iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Arab sahaja. Semua data karya kesusasteraan Arab dari abad ke-14 sehingga abad ke-19 dikumpulkan, dibuat saringan, dikelaskan dan dianalisis berdasarkan kaedah tematik. Kajian tinjauan awal ini dibincangkan di bawah dua kategori wabak iaitu taun dan Kematian Hitam. Setiap kategori wabak pula dibahagikan kepada sub-tema lokasi penularan wabak, situasi masyarakat terhadap wabak yang berlaku di Timur Tengah, kesan dan cara menangani wabak tersebut.

3.0 TINJAUAN AWAL

Tinjauan awal ini dikelaskan kepada maklumat yang terdapat dalam karya kesusasteraan Arab mengenai dua jenis wabak di Timur Tengah iaitu taun dan Kematian Hitam yang meliputi penelitian terhadap lokasi penularan, situasi masyarakat, kesan dan cara menangani wabak. Penelitian pertama yang akan dibincangkan ialah wabak taun.

3.1 Wabak Taun

Anggaraditya, P. A. (2015) menyatakan taun atau nama saintifiknya *Asiatic Cholera* merupakan sejenis wabak yang menular di kawasan saluran pencernaan. Dalam kajian Lakhani, S. R., (1993) microb jenis *Vibrio Cholera* berbentuk seperti koma (,) telah ditemukan oleh Robert Koch yang merupakan seorang ahli fizik German. Menurut Robert Koch, jenis wabak taun ini jika tidak mendapatkan rawatan dengan kadar segera akan menyebabkan kematian.

Berdasarkan tinjauan awal, perbincangan mengenai wabak taun ini turut dinyatakan dalam beberapa karya kesusasteraan Arab. Karya tersebut terdiri daripada dua jenis genre iaitu genre ilmiah dan genre kembara. Contohnya, karya genre ilmiah yang membincangkan mengenai wabak taun seperti yang tercatat dalam karya Idrīs Bidlīsī, al-Maqrizi, Ibn Hajar al-Asqalani dan karya Ibn Uthman Al-Meknassi. Manakala karya genre catatan kembara Arab yang banyak ditekankan pula ialah *Rihla al-'Ayyashiya*, *al-Buldan*, *Surat al-Ard* dan *Ahsan al-Taqasim Fi ma'rifat al-Aqalim* sahaja. Penerangan lebih lanjut mengenai subtopik wabak taun adalah seperti berikut.

a) Lokasi penularan wabak

Seterusnya, lokasi penularan wabak taun di kawasan Timur Tengah ada disebut dalam sebuah karya Arab yang berjudul *Al-Iba' 'an Mawāqī' al-Wabā* (1473) karya Idrīs Bidlīsī. Karya ini menghimpunkan pengalaman-pengalamannya ketika berhadapan dengan wabak taun yang berlaku di Mesir ketika perjalanan pulang ke Turki. Peristiwa ini berlaku sekitar abad ke-14 semasa pemerintahan Sultan Salim. Secara keseluruhannya, semasa perjalanan ke Syam, beliau telah mendengar bahawa Mesir sedang dilanda wabak taun dan tidak ada seorang pun dibenarkan masuk ke Mesir ketika itu. Berdasarkan pengalamannya, beliau telah menulis karya ini sebagai bukti kewujudan wabak tersebut dan sebagai sumber rujukan masyarakat ketika itu.

b) Situasi masyarakat ketika penularan wabak

Manakala al-Maqrizi (1939) dalam kitabnya *Kitab al-Suluk li Ma'rifat Duwal al-Muluk*, membahaskan sikap toleransi antara pemimpin terhadap masyarakat yang terkesan dengan wabak taun ketika era pemerintahan Mamluk. Karya ini banyak menekankan persepsi masyarakat di Mesir ketika pandemik berlaku. Persepsi yang difokuskan terdiri daripada persepsi fatalisme dan aspek kebudayaan masyarakat ketika berhadapan dengan pandemik. Menariknya, persepsi fatalisme ini turut ditemui dalam karya sastera Arab, *Badhl al-Mā'ūn fi faḍl al-Tā'ūn* oleh Ibn Hajar al-Asqalani (1990).

c) Cara menangani wabak

Selain itu, terdapat juga karya sastera Arab yang mengulas berkenaan cara menangani wabak taun ini seperti yang ditonjolkan dalam *Tabsīl Gharaḍ al-Qāsīd fi Tafṣīl al-Maraḍ al-Wāfīd* oleh Ibn Khātimah karya *Badhl al-Mā'ūn fi faḍl al-Tā'ūn* oleh al-Asqalānī (1990) dan karya *al-Iksīr fi Fikāk al-'Asīr* oleh Ibn Uthman Al-Meknassi (1965). Contohnya al-Asqalani (1990) dalam kitabnya *Badhl al-Mā'ūn fi faḍl al-Tā'ūn* memfokuskan pada aspek menangani wabak tersebut dari perspektif Islam khasnya ketika zaman pemerintahan khalifah Umar al-Khattab. Manakala dalam karya Ibn Uthman

Al-Meknassi (1965) pula memfokuskan pada sudut sistem kuarantin yang dikuatkuasakan semasa di Timur Tengah suatu ketika dahulu.

d) Kesan penularan wabak

Begitu juga kupasan mengenai kesan wabak taun di Timur Tengah. Didapati ia banyak ditonjolkan dalam pengembaraan al-'Ayyashiya, al-Ya'qubi, Ibn Hawqal dan al-Maqdisi. Berdasarkan penelitian, keempat-empat catatan pengembaraan ini hanya menggambarkan kesan wabak tersebut secara ringkas sahaja. Al-Ayyashiya dalam *al-Rihla al-'Ayyashiya* (1899) menggambarkan kematian seorang pengembara Moroko akibat wabak tersebut pada tahun 1679. Sementara itu, catatan kembara *al-Buldan* oleh al-Ya'qubi (1422 H) dan *Surat al-Ard* oleh Ibn Hawqal (1750) membahaskan kesan perubahan geografi sesebuah negara terhadap wabak taun di Mesir dan Syria. Dalam pengembaraan tersebut, mereka menyatakan perubahan cuaca dan keadaan udara di Mesir dan Syria adalah sangat kritikal. Kenyataan ini disokong dalam karya Arab *Ahsan al-Taqasim Fi ma'rifat al-Aqalim* oleh al-Maqdisi (1877). Karya ini membahaskan berkenaan al-Maqdisi seorang pengembara dari Palestin, yang mengembara ke Selatan Syria ketika wabak taun berlaku. Al-Maqdisi menyatakan cuaca di kawasan Syria sangat panas dan airnya menjejaskan kesihatan kehidupan di situ. Secara umumnya, kebanyakan catatan kembara Arab yang dinyatakan, memfokuskan pada sudut kesan perubahan iklim dan cuaca sahaja semasa pengembaraan mereka. Ini seperti yang tercatat dalam catatan kembara Ibn Hawqal, al-Maqdisi dan al-Ya'qubi.

3.2 Wabak Kematian Hitam

Wabak Kematian Hitam atau dikenali sebagai *Black Death* merupakan wabak yang dibawa oleh pepijat yang hidup dalam spesis tikus. Menurut Gutierrez, L. M. S., (2018) wabak ini tersebar dari satu benua ke satu benua yang lain melalui tikus-tikus yang menaiki kapal yang membawa barang muatan melintasi lautan dari Asia ke Timur Tengah dan ke Eropah melalui Mediterranean. Namun, menurut saintis Perancis iaitu Alexandre Yersin menyatakan wabak ini disebarkan oleh *bacillus* yang dikenali sebagai *Yersinia Pestis* (Bettmann, 2021).

Berdasarkan tinjauan awal terhadap wabak Kematian Hitam, didapati karya kesusasteraan Arab yang dibincangkan terhad pada karya al-Maqrizi, Ibn Khatimah dan Ibn Battuta sahaja. Segala maklumat berkenaan pandemik ini dibahaskan dalam subtopik seperti berikut.

a) Lokasi penularan wabak

Kajian mengenai lokasi penularan wabak Kematian Hitam ada tercatat dalam karya al-Maqrizi (1939) dalam kitabnya *Kitab al-Suluk li Ma'rifat Duwal al-Muluk*. Kitab ini membincangkan penularan wabak Kematian Hitam yang mula menular di kota Alexandria berpunca daripada aktiviti perdagangan di Crimea. Kitab ini turut menerangkan tempoh masa berlakunya wabak ini yang bermula pada tiga bulan Islam selepas Sya'ban. Ia juga membahaskan secara terperinci mengenai sejarah penularan wabak Kematian Hitam yang tersebar meluas sehingga ke wilayah Syam dengan mencatatkan angka kematian yang tinggi.

b) Situasi masyarakat ketika wabak

Berbeza pula dari sudut situasi masyarakat ketika berhadapan dengan wabak Kematian Hitam. Didapati terdapat satu sahaja karya Arab genre catatan kembara yang membahaskan dari sudut ini. Ia ditonjolkan dalam karya *Rihlah Ibn Battuta* (1322) yang memperlihatkan situasi masyarakat di Damascus secara keseluruhannya. Ketika wabak berlaku mereka telah berpuasa tiga hari berturut-turut dan melibatkan semua jenis agama dan anggota masyarakat ketika itu.

c) Cara menangani penularan wabak

Cara menangani wabak Kematian Hitam pula ada dinyatakan dalam karya *Tabsil Gharad al-Qasid fi Tafsir al-Marad al-Wafid* yang merupakan karya magnum opus Ibn Khatimah. Karya ini menghimpunkan segala maklumat saintifik semasa zaman pertengahan Islam terutamanya mengenai perubatan. Beliau turut menghimpunkan pelbagai jenis perubatan negara Barat dalam karyanya, termasuklah perubatan yang digunakan ketika pandemik.

d) Kesan penularan wabak

Bukan setakat itu sahaja, karya Ibn Khātimah, *Tabsil Gharad al-Qasid fi Tafsir al-Marad al-Wafid*, turut membahaskan berkenaan kesan penularan wabak Kematian Hitam suatu ketika dahulu. Ibn Khatimah menyatakan kesan wabak bubonik dan Kematian Hitam ini bukan sahaja menghancurkan benua Asia, bahkan Afrika dan Eropah juga. Kenyataan ini disokong dalam karya catatan kembara Arab Ibn Battuta dalam *Rihlah Ibn Battuta*, bahawa penularan wabak Kematian Hitam yang melanda di kawasan Mesir menyebabkan kematian sebanyak 1000 nyawa yang bermula dengan gejala-gejala awal wabak seperti mual, sakit bahagian perut, kepala dan kaki.


Secara keseluruhannya, tinjauan awal mengenai wabak di Timur Tengah ini terbahagi kepada wabak taun dan wabak Kematian Hitam. Namun didapati wabak taun sering kali mendapat perhatian berbanding wabak Kematian Hitam. Tinjauan awal ini terbahagi kepada beberapa subtopik yang dibincangkan iaitu lokasi penularan, situasi masyarakat, cara menangani wabak dan kesan wabak sahaja. Berdasarkan tinjauan awal mengenai wabak taun, didapati perkara utama yang banyak dibahaskan mengenai situasi masyarakat ketika berhadapan dengan wabak. Ini ditonjolkan dalam karya al-Maqrizi (1939). Karyanya, *Kitab al-Suluk li Ma'rifat Duwal al-Muluk* banyak mencatatkan hubungan kemasyarakatan yang terdiri daripada dua taraf sosio-masyarakat yang berbeza. Di sudut ini, pembaca akan dapat mengetahui bagaimana sesebuah wilayah di Timur Tengah mengendalikan isu sosial masyarakat ketika berhadapan dengan pandemik. Seterusnya, perkara kedua yang ditekankan adalah dari sudut cara menangani wabak. Dilihat terdapat banyak rujukan daripada karya kesusasteraan Arab yang boleh dijadikan sebagai panduan. Namun hanya diulas secara keseluruhan sahaja. Misalnya yang terdapat dalam karya Ibn Khatimah dan karya Ibn Uthman Al-Meknassi. Akhir sekali, penekanan berkenaan kesan penularan wabak taun. Menariknya mengenai pembahasan ini, lebih dipelopori oleh genre catatan kembara. Penghuraian maklumat yang dibincangkan pula berdasarkan pengamatan pengembara Islam yang mengamati sendiri realiti masyarakat di kawasan Timur Tengah ketika pandemik melanda.

Seterusnya, tinjauan awal mengenai wabak Kematian Hitam. Didapati kajian mengenai wabak Kematian Hitam masih kurang diteliti dan perlu diambil perhatian khususnya dalam aspek lokasi penularan, situasi masyarakat ketika wabak, cara menangani wabak dan kesannya terhadap sesebuah ketamadunan. Menurut penelitian, wabak Kematian Hitam ini berlaku setiap lima abad iaitu dalam tempoh lima ratus tahun terdahulu. Kenyataan ini adalah berdasarkan penelitian terhadap tarikh sumber karya kesusasteraan Arab dicatatkan. Didapati kebanyakan kajian mengenai pandemik dalam karya kesusasteraan Arab ini masing-masing dicatatkan sekitar abad ke-14 dan abad ke-19 sahaja. Namun kajian-kajian tersebut hanyalah melalui tinjauan awal yang pengkaji laksanakan sahaja. Jika ingin mengetahui dengan lebih lanjut berkaitan tempoh penularan wabak dengan tepat, pengkaji menyarankan untuk mempergiatkan lagi kajian terjemahan terhadap karya kesusasteraan Arab yang semakin dipinggirkan oleh masyarakat pada masa kini.

4.0 PERBINCANGAN

Jika diperhatikan dengan teliti, kebanyakan rujukan mengenai pandemik di Timur Tengah terdiri daripada karya kesusasteraan Arab genre ilmiah dan genre catatan kembara. Antara karya kesusasteraan Arab genre ilmiah mengenai pandemik yang ditekankan dalam tinjauan awal ini, terdiri daripada karya *Badhl al-Mā'ūn fi Faḍl al-Tā'ūn* oleh Ibn Hajar al-Asqalani, karya Idrīs Bidlīsī, *Al-Ibā' 'an Mamāqī' al-Wabā*, karya al-Maqrizi, *Kitab al-Suluk li Ma'rifat Duwal al-Muluk*, karya Ibn Khatimah, *Tahsil Gharaḍal-Qāsid fi Tafsīl al-Maraḍal-Wafīd* dan karya *al-Iksīr fi Fikaḳ al-'Asīr* oleh Ibn Uthman Al-Meknassi. Manakala dari sudut genre catatan kembara pula banyak ditonjolkan dalam catatan Ibn Hawqal, Ibn Batuta, al-Maqdisi, al-Ya'qubi dan al-Ayyashiya.

Berdasarkan tinjauan awal pandemik dalam karya kesusasteraan Arab ini, kebanyakannya hanya menumpukan pada tiga perspektif utama iaitu perspektif sosiologi masyarakat, kesihatan dan ekosistem sesebuah negara sahaja. Dari aspek sosiologi dan kesihatan, perbincangan banyak dilakukan dalam karya kesusasteraan Arab genre ilmiah. Manakala dari genre catatan kembara pula lebih menumpukan aspek ekosistem sesebuah wilayah di Timur Tengah sahaja. Penerangan lebih lanjut adalah seperti Rajah 1 di bawah:



Rajah 1: Pembahagian tiga aspek yang ditekankan dalam karya kesusasteraan Arab


Berdasarkan penelitian, kajian kesusasteraan Arab terhadap pandemik di Timur Tengah mempunyai tiga aspek utama yang ditekankan. Menerusi tinjauan awal seperti dinyatakan sebelum ini, terdapat tiga aspek yang dijumpai iaitu aspek sosiologi masyarakat, ekosistem dan kesihatan. Antara ketiga-tiga aspek ini, terdapat satu persamaan yang ditemukan ketika meneliti dua pandemik dalam karya kesusasteraan Arab. Persamaan tersebut adalah dari perspektif sosiologi masyarakat sahaja. Perspektif ini membahaskan situasi masyarakat terdahulu ketika menangani pandemik. Perbincangan mengenai sosiologi masyarakat ini akan dianalisis pada subtopik yang seterusnya.

a. Sosiologi masyarakat terhadap wabak

Sosiologi merupakan kajian mengenai manusia dengan interaksi lingkungan sosialnya. Kajian dalam bidang ini mengkaji interaksi sosial antara manusia dengan manusia yang lain atau perhubungan manusia dalam kelompoknya (Mohamad Kamil Ab. Majid, 1996). Menurut Persatuan Sosiologi Amerika atau *The American Sociological Association* (2022), sosiologi merupakan kajian tentang kehidupan sosial, perubahan dan punca sosial serta akibat tingkah laku manusia. Secara keseluruhannya, sosiologi boleh ditakrifkan sebagai kajian yang sistematik dan objektif tentang kehidupan sosial manusia, kumpulan dan masyarakat (Abumere, F. I., 2014).

Berdasarkan tinjauan awal karya kesusasteraan Arab, dilihat wabak taun dan Kematian Hitam menunjukkan persamaan bagaimana masyarakat Islam sekitar abad ke-14 sehingga abad ke-19

berhadapan dengan pandemik. Rajah 2 merupakan penerangan lanjut berkenaan hubungan sosiologi tersebut.



Rajah 2: Sosiologi masyarakat dalam karya kesusasteraan Arab

Sosiologi masyarakat yang terlibat ketika berhadapan dengan pandemik yang dinyatakan dalam karya kesusasteraan Arab ini meliputi golongan pemerintah dan golongan rakyat. Secara rangkumannya, wabak taun yang tercatat dalam karya kesusasteraan Arab ini berfokus dari aspek 'hubungan pemerintah dan rakyat' dan 'hubungan sesama masyarakat'. Manakala wabak Kematian Hitam pula menekankan sosiologi 'hubungan masyarakat dengan masyarakat' sahaja.

Kupasan hubungan sosiologi mengenai wabak taun ada tercatat dalam karya al-Maqrizi (1939). Karya ini membahaskan hubungan antara 'pemerintah dan rakyat' yang sangat kuat jika dibandingkan hubungan sesama masyarakat. Al-Maqrizi (1939) mencatatkan bahawa wabak taun berjaya ditangani hasil daripada sikap toleransi yang ditonjolkan antara golongan pemerintah dan rakyat jelata. Berlainan pula dari sudut 'hubungan sesama masyarakat' yang dilihat sangat longgar. Menurut al-Maqrizi (1939), kebanyakan masyarakat ketika itu, mereka tidak boleh menerima ketentuan Ilahi terhadap wabak yang berlaku. Jika diteliti, terdapat tiga persepsi masyarakat ketika wabak taun melanda iaitu: kalangan yang menerima pandemik dengan ketentuan Ilahi, kalangan yang menolak dengan berpegang pada prinsip fatalisme terhadap pandemik yang terjadi dan kalangan yang tidak menerima dan tidak pula menolak (al-Asqalani, 1990).

Sementara, wabak Kematian Hitam pula didapati aspek sosiologi yang ditekankan adalah dari sudut 'hubungan masyarakat dengan masyarakat' sahaja. Dalam catatan kembara Ibn Battuta, *Rihlah Ibn Battuta* (1322), masyarakat dilihat telah bersatu bagi menangani wabak daripada tertular. Situasi masyarakat ketika menangani wabak Kematian Hitam pula lebih islamik kerana mereka sepenuhnya melakukan amal ibadah seperti berdoa dan berpuasa agar wabak Kematian Hitam ini dapat ditangani dengan segera. Secara kesimpulannya, situasi sosiologi masyarakat terhadap wabak taun dan wabak Kematian Hitam ini salin tak tumpah dengan situasi masyarakat kini yang turut berhadapan dengan situasi pandemik COVID-19. Contohnya, dalam kalangan masyarakat kini, ketika menghadapi pandemik, mereka menumpukan sepenuh penghayatan dengan beribadah (Siti Samihah Mohd Yusoff et al., 2020). Namun terdapat juga kalangan masyarakat yang tidak boleh menerima ketentuan Allah SWT. Kebanyakan daripada mereka, tidak dapat mengawal emosi

dengan baik sehingga membuat mereka mengalami tekanan mental yang membimbangkan (Izhar, M. F., Abd Rahman, I., & Aziz, A., (2021). Oleh itu, hubungan sosiologi masyarakat perlu diperkukuhkan agar isu-isu emosi dapat diselesaikan dengan baik dan dapat membantu mengekalkan emosi yang stabil khususnya ketika berhadapan dengan situasi pandemik ini.


b. Ekosistem

Seterusnya mengenai ekosistem, menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, ekosistem merupakan hubungan antara lingkungan (hidup) dengan alam sekelilingnya. Umumnya, ekosistem terbahagi kepada beberapa jenis seperti ekosistem manusia, akuatik, laut dan terrestrial. Setiap jenis ekosistem ini berfungsi mengikut ciri khas masing-masing. Namun jika tidak dijaga dengan baik akan menyebabkan ketidakseimbangan ekosistem dan secara tidak langsung akan menghancurkan bumi (Khairul Azhar Meerangani, 2018). Menurut Azizi Ahmad (2021) salah satu kesan negatif yang dapat menjejaskan ekosistem ialah perubahan iklim. Fachrul (2007) menyatakan perubahan iklim memberikan impak yang besar terhadap ekosistem terrestrial (daratan) dan akuatik (perairan).

Melalui tinjauan awal terhadap karya kesusasteraan, didapati kesan wabak taun memberikan impak yang mendalam terhadap perubahan iklim negara Islam sekitar abad ke-14 sehingga abad ke-19. Contohnya perubahan dari sudut cuaca yang panas, udara dan air yang sangat kritikal sehingga mengganggu ekosistem untuk berfungsi dengan baik. Perspektif ini banyak dilihat melalui pembacaan terhadap karya catatan kembara sahaja seperti yang tercatat dalam catatan kembara Islami Ibn Hawqal (1750), al-Maqdisi (1877), Ibn Battuta (1322) dan al-Ya'qubi (1892). Pembaca yang ingin mengetahui dengan lebih lanjut berkaitan dengan ekosistem sesebuah negara ketika pandemik disarankan untuk merujuk sumber seperti catatan kembara Islami kerana para penyelidik dapat mengetahui pengalaman dan pengamatan pengembara Islam terhadap kehidupan manusia dan alam sekeliling termasuk keadaan ketika pandemik berlaku (Mary H. Kingsley, 2013).

c. Kesihatan

Seterusnya, perbincangan yang terakhir iaitu penekanan dari perspektif kesihatan. Berdasarkan tinjauan awal karya kesusasteraan Arab, perbincangan dari perspektif ini hanya berfokuskan pada wabak Kematian Hitam sahaja seperti yang terdapat dalam karya Ibn Khatimah (1927) dan Ibn Uthman Al-Meknassi (1965). Didapati karya kesusasteraan Arab terdahulu banyak membincangkan dari sudut kesihatan dan kemajuan perubatan ketika wabak Kematian Hitam terjadi.



Rajah 3: Kesihatan dan kemajuan perubatan ketika pandemik berlaku dalam karya kesusasteraan Arab

Berdasarkan Rajah 3 di atas, didapati ketika wabak Kematian Hitam terjadi, kerajaan Islam di kawasan Timur Tengah ketika itu mencegah penularan dengan menggunakan kaedah saintifik seperti sistem kuarantin dan rawatan perubatan bagi merawat pesakit. Kaedah ini menunjukkan kemajuan dalam bidang kesihatan memainkan peranan yang sangat penting bagi menjamin

kesejahteraan bermasyarakat dan keamanan sesebuah negara (Mohd Anuar Ramli et al., 2019), terutamanya jika berlaku sebarang musibah dan wabak seperti taun dan Kematian Hitam (Awang Asbol, 2011). Justeru, tidak mustahil kerajaan Islam terdahulu telah berjaya menangani wabak ini dengan baik disebabkan oleh perancangan yang teliti terhadap sistem perkhidmatan kesihatan.

Ekoran daripada tiga aspek yang dibincangkan ini, pengkaji melihat karya kesusasteraan Arab banyak memberikan nilai pengajaran lebih-lebih lagi mengenai isu pandemik ini. Nilai iktibar yang ditekankan tersebut meliputi:

- I. Pemerintah dan rakyat perlu bergabung tenaga dan buah fikiran bagi menggembeleng tenaga menangani wabak pandemik ini dengan kadar segera. Menerusi kejadian dua pandemik yang pernah berlaku sekitar abad ke-14 sehingga abad ke-19, dilihat masyarakat saling bekerjasama tanpa mementingkan taraf sosial mereka ketika berhadapan dengan pandemik berbahaya. Perkara yang sama terjadi sewaktu penularan pandemik COVID-19, dilihat masyarakat saling membantu antara satu sama lain seperti mengadakan agihan bantuan makanan asas, khidmat kesihatan seperti penyebaran maklumat mengenai kepentingan vaksinasi, bantuan daripada petugas barisan hadapan (*frontliner*) seperti petugas-petugas kesihatan, polis dan tentera bagi mengekang penularan pandemik.
- II. Kemajuan dalam bidang kesihatan juga memainkan peranan penting dalam menangani wabak pandemik. Usaha ini juga perlu dipergiatkan supaya dapat mengawal angka kematian daripada terus meningkat. Berdasarkan penularan dua wabak iaitu wabak taun dan Kematian Hitam, terdapat beberapa kemajuan kesihatan pada masa kini yang mengalami transformasi seperti kemajuan dari sudut sistem vaksinasi, alatan perubatan dan ubatan yang digunakan dan kajian penyelidikan mengenai virus semakin dipergiatkan.
- III. Pihak berkuasa perlu merancang dengan teliti mengenai ekosistem sesebuah negara yang pasti akan terjejas akibat daripada wabak yang melanda. Oleh itu, perlunya pembacaan yang lebih mendalam lebih-lebih lagi sumber rujukan seperti catatan kembara Islami. Hal ini kerana melalui rujukan seperti ini, dapat merungkaikan segala informasi khasnya berkenaan solusi para pemerintah Islam ketika menangani ketidakseimbangan ekosistem semasa pandemik berlaku.

Secara kesimpulannya, ketiga-tiga aspek yang ditekankan iaitu aspek sosiologi masyarakat, kesihatan dan ekosistem dalam karya kesusasteraan Arab ketika berhadapan dengan pandemik ini perlu diambil serius. Tiga aspek yang ditekankan ini adalah sebagai peringatan awal bagi pihak berkuasa untuk melihat aspek tersebut sebagai suatu perkara yang perlu diberi perhatian khusus dan merancang strategi bagi memerangi pandemik yang sedang berleluasa ketika ini.

5.0 KESIMPULAN

Sejarah telah membuktikan, dunia suatu ketika dahulu turut merasai situasi pandemik yang memakan ramai nyawa masyarakat ketika itu termasuklah di kawasan Timur Tengah. Situasi ini dapat dibuktikan melalui penelitian terhadap karya kesusasteraan Arab. Melalui pengamatan ini, pengkaji mampu mengumpulkan maklumat-maklumat penting seperti catatan sejarah penularan pandemik di negara Islam. Pandemik yang berlaku di Timur Tengah ini sememangnya memberikan impak yang besar terhadap perkembangan peradaban Islam ketika itu. Hal ini kerana penularan dua jenis wabak iaitu taun dan Kematian Hitam telah membunuh ramai nyawa manusia khususnya pada abad ke-14 sehingga abad ke-19. Situasi pandemik yang berlaku ini, bukan sahaja melibatkan kekurangan penduduk dalam sesebuah negara, malahan turut melumpuhkan pembangunan

ekonomi Islam suatu ketika dahulu. Kesimpulannya, penerokaan terhadap kesusasteraan Arab perlu diambil perhatian serius khususnya dalam dunia penyelidikan. Pengkaji menyarankan untuk membuat kajian lanjutan dalam bidang terjemahan teks karya-karya kesusasteraan Arab kerana dapat membantu masyarakat untuk mendapatkan pelbagai maklumat penting yang boleh dijadikan sebagai iktibar apabila berhadapan dengan wabak pandemik dalam sesebuah negara.

Penghargaan

Artikel ini adalah sebahagian daripada kajian tesis Nur Asyiqin Binti Zohkarnain (P116036) pelajar Sarjana Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Selain itu, artikel ini juga adalah di bawah Geran FRGS/1/2022/SSI10/UKM/03/1 Model Psikospiritual Pengurusan Emosi Era Pandemik Dalam Sastera Kembara Islami. Terima kasih yang tidak terhingga diucapkan

Senarai Rujukan

- Abdul Aziz, A., Mohd Sukor, N., & Ab Razak, N. (2020). "Wabak Covid-19: Pengurusan Aspek Kesihatan Mental Semasa Norma Baharu." *International Journal of Social Science Research*, 2(4), 156-174.
- Abumere, F. I., (2014). What is Sociology?. Conference: Induction for sociology beginners. Lagos, Nigeria, August.
- Ady Fauzi Rahmani. (2021). "Bibilografi sejarah pandemik black death di Mesir pada abad ke 14 M." *Khazanah Pendidikan Islam*, 3(1), 1 -9.
- Ahmad Fazlinejad. (2015). "Factors and consequences of the spread of the black death (Great Plague of The Middle Ages) in Iran (Eighth and Ninth Century AH / Fourteenth and Fifteenth Century AD)." *Journal of Research on History of Medicine*, 4(4), 211–24.
- Al-Asqalani. (1990). *Badz̄lul Ma'un Fi Fadhlī Ath-Tha'un*. Riyadh: Darul Ashimah.
- Al-Ayyashiya, A. S. (2011). *Al-Rihlah al-'Ayyashiyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Al-Ayyasyiya. (1899). *Al-Rihla al-'Ayyashiya*. Beirut: Dar al-Ilmiyyah.
- Al-Maqdisi. (1877). *Kitāb Absan al-Taqaṣīm fī ma'rifat al-Aqālīm*. Leiden: Netherland.
- Al-Maqrizi, A. A. (1934/1958), in Muhammad, M. Z. (Ed.). *Kitab As-Suluk Li Ma'rifat Duwal al Muluk*. Mesir: Matba'at Dar al-Kutub al-Misriyah.
- Al-Maqrizi. (1970), in Said A. F. Ashour (Ed.). *Kitab al-Suluk li Ma'rifat Duwal al-Mulk* or *Book of Entrance to the Knowledge of Dynasties of the Kings*. Mesir: Matba'at Dar al-Kutub.
- Al-Samaany, N. S. (2000). *Travel Literature of Moroccan Pilgrims During the 11-12th/17-18th Centuries Thematic and Artistic Study*. Ph.D., The University of Leeds.
- Al-Ya'qubi. (1861). *Kitab al-Buldan*. Leiden: Dar al-Kutub.
- Al-Ya'qubi. (1892), in M. J. de Geoje (Ed.). *Kitab al-Buldan*. Bibliotheca Geographorum Arabicorum. Vol. 7. Leiden: Brill.
- American Psychological Association. (2022). <https://sociology.case.edu>. Access Date: 24th March 2022.
- Anggaraditya, P. A. (2015). "Menekan laju penyebaran kolera di Asia dengan 3SW (Sterilization, Sewage, Sources, And Water Purification)." *Intisari Sains Medis*, 3(1), 83-87.
- Arıcı, M. (2021). "Silent sources of the history of epidemics in the Islamic World: Literature on Ṭā'ūn/Plague Treatises". *Nazariyat: Journal for the History of Islamic Philosophy and Sciences*, 7(1), 99-158.
- Awang Asbol Mail. (2011). *Rampak Serantai*. Universiti Brunei Darussalam: Badan Pengembangan dan Pembinaan Bahasa Kementerian Pendidikan Nasional.

- Azizi Ahmad (2021, Januari 14). Perubahan Iklim beri impak negatif terhadap ekosistem. *Berita Harian*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/perubahan-iklim-beri-impak-negatif-terhadap-ekosistem>.
- Azzurin Mohd Yassin & Mas Ryna Wati Ahmad. (2018). “Konsep jati diri melayu dalam puisi catatan kembara “Nota Kecil Menyeberang Usia.” *Jurnal Melayu*, 17(2), 299-311.
- Bettmann. (2021). Black Death. <https://www.history.com/topics/middle-ages/black-death>. Access Date: 23 November 2022.
- Birsen B. (2012). *Plague, Quarantines and Geopolitics in the Ottoman Empire*. Scotland: Edinburgh University Press Ltd.
- Borm, J. (2001). *Defining Travel: On the Travel Book, Travel Writing and Terminology*. Routledge: United Kingdom.
- Cambra, L. M. A. (2018). “The causes of the black death described by Ibn Khātima in The Work *Taḥṣīl al-Garaḍ*.” *Annals of Reviews and Research*, 4(1), 1-3.
- Dawood, N. J. (2015). *The Muqaddimah: An Introduction to History-Abridged Edition*. United States: Princeton University Press.
- Dols, M. W. (1977). *The Black Death in The Middle East*. United States: Princeton University Press.
- Dunn, R. E. (2012). *The Adventures of Ibn Battuta: A Muslim Traveler of the 14th Century*. United States: University of California Press.
- Fachrul, M.F. (2007). *Metode Sampling Bioekologi*. Jakarta: Bumi Aksara.
- Ghazali Din & A. Halim Ali. (2020). “Naluri kemasyarakatan mengangkat keunggulan kepengarangan Muhammad Hj Salleh terhadap pembangunan minda bangsa Melayu societal instinct glorifying Muhammad Haji Salleh experience literatures toward the Malays intellectual development.” *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8(1), 26-41.
- Green, Monica, H. (2015). *Pandemic Disease in the Medieval World: Rethinking The Black Death*. Yorkshire: Arc Humanities Press.
- Gutierrez, L. M. S., (2018). A view of the bubonic plague from the perspective of Ibn Battuta using GIS. Master Thesis. University of Redlands, California.
- Hariyadi, S., & Muflihin, A. (2021). “Handling pandemic in islamic literature study of the book "Badzlul Unto Fadhlī ath-Tha'un" by Imam Ibn Hajar al-Asqalani.” *International Journal Ihya Ulum al-Din*, 23(1), 114 -137.
- Ibn Battuta. (1322). *Rihlat Ibn Batūṭah al-Musammāb Tuhfat al-Nuḥḥūr fī Gharā'ib al-Amsār wa-‘Ajā'ib al-Asfār*. Mesir: Matba‘at al-Taqaddum bi-Shāri‘ Muhammad ‘Alī.
- Ibn Hawqal. (1750). *Surat al-Ard*. Leiden: Brill Academic Publishers.
- Ibn Khatimah, Abu Ja'far Ahmad. (1927). *Tahṣīl Gharāḍ al-Qāsid fī Tahṣīl al-Maraḍ al-Wāfīd*, German Translation in *Archiv fur Geschichte der Medizin* 19, 27-81.
- Ibn Uthman Al-Meknassi. (1965). *al-Iksār fī Fikāḥ al-‘Asīr*. al-Rabāt: al-Markaz al-Jāmi‘i lil-Baḥth al-‘Ilmi.
- Idrīs Bidlīsī. (1473). *Al-Ibā’ ‘an Mawāqī’ al-Wabā*. Topkapı Palace Library: Turkey.
- Irfan, I.S., Mohd Daud Awang, Suhaimi Ab Rahman & Aznan Hasan. (2020). “Pandemic and Islamic point of view based on hadīth plague.” *Journal of Critical Reviews*, 7(8), 1017–20.
- Izhar, M. F., Abd Rahman, I., & Aziz, A. (2021). “Pandemik Covid-19: pendekatan kerajaan Malaysia dalam mengurus keselamatan negara.” *International Journal of Law, Government and Communication*, 6(26), 23-38.
- Khairul Azhar Meerangani. (2018). “Kepentingan penjagaan alam sekitar menurut perspektif maqasid syariah.” *Isu-Isu Semasa Islam & Sains*, 543-560.

- Kingsley, M. H. (2013). *Travels in West Africa*. United States: CreateSpace Independent.
- Koskella, M. A. (2014). *A Universal Approach to Plague Epidemics in Fifteenth Century Mamluk Egypt and Syria: Contemporary Bias, Classical Islamic Medicine, and The Voices of the Ulama*. Ph.D., The University of Utah.
- Lakhani, S. R. (1993). "Early clinical pathologists: Robert Koch (1843-1910)." *Journal Clinic Pathology* 46, 596-598.
- Mohamad Kamil bin Hj. Ab. Majid. (1996). "Sosiologi Islam: satu pengenalan." *Jurnal Usuluddin*, 3(6), 103-114.
- Mohd Anuar Ramli, Tengku Fatimah Azzahra Tengku Md Fauzi & Noor Fahimah Mohd Razif., (2019). "Autoriti kerajaan dalam mewajibkan vaksinasi kanak-kanak: kajian menurut perspektif hukum Islam." *UMRAN*, 6(2), 21-35.
- Mohd Faiz, Mohamed Yusof & Nurhanani Romli. (2019). "Aplikasi program Atlas.Ti dalam Penyelidikan kualitatif bidang pengajian Islam: suatu cadangan awal." *Al-Hikmah*, 11(1), 3-21.
- Mohd Shahrizal Nasir & Kamarul Shukri Mat Teh, (2021). Pembelajaran bahasa Arab menerusi karya sastera Al - Nadwi berjudul "Kisah Para Nabi untuk Kanak-kanak" / Mohd Shahrizal Nasir dan Kamarul Shukri Mat Teh. In: International Conference of Research on Language Education (I–Role) 2021: Engaging in Change: Empowering Linguistics, Literature & Language. Akademi Pengajian Bahasa, Alor Gajah, Melaka.
- Osman Hj. Khalid. (1999). *Kesusasteraan Arab zaman permulaan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Samihah Mohd Yusoff. Noornajihan Ja'afar, Muhammad Hafiz Saleh & Ismail Abdullah. (2020). Pelaksanaan Amalan Ibadah Bagi Masyarakat Islam Semasa Menghadapi Pandemik Covid-19. E-Proceeding: Seminar Antarabangsa Islam Dan Sains (SAIS 2020). 3 rd International Seminar on Islam And Science 2020 (Sais 2020) Covid-19: Implication, Impact and Solution. 15 October 2020 Organized by Persatuan Kakitangan Akademik Usim (Pkausim) In Collaboration With: International Halal and Fatwa Centre (Iffah) & Fakulti Syariah Dan Undang-Undang (FSU)
- Sohaimi Abdul Aziz. (2001). *Kesusasteraan bandingan: perkembangan, pendekatan, praktis*. Kuala Lumpur: Utusan Pub. & Dist.
- Strauss, A. & Corbin, J. (1990). *Basics of Qualitative Research: Grounded Theory Procedures and Techniques*. Newbury Park, CA: Sage Publications, Inc.